LKIM:KQ406/923/3 ( )
19 Mei 2025



SENARAI EDARAN

Tuan/puan,

MAKLUMAN KEPERLUAN TAMBAHAN BAGI PENGEKSPORTAN IKAN DAN HASILAN IKAN KE REPUBLIK TURKIYE

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Untuk makluman pihak tuan, Bahagian Kawalselia Pendaratan Ikan dan Penguatkuasaan telah menerima pemakluman daripada Program Keselamatan dan Kualiti Makanan (PKKM) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) berkaitan tambahbaik mekanisma pengeksportan ikan dan keluaran ikan ke Republik Turkiye. Penambahbaikan tersebut bertujuan untuk memastikan kawalan dan pemantuan keselamatan makanan disepanjang rantaian eksportan terjamin melalui penglibatan pihak DOF di peringkat *up-stream* manakala pihak PKKM di peringkat *down stream* serta pengeluaran sijil kesihatan.

3. Melalui mekanisma tersebut, pengeluaran sijil kesihatan oleh pihak KKM bagi tujuan pengeksportan ikan dan hasilan ikan ke Republik Turkiye perlulah mematuhi syarat-syarat berikut:

I. Premis pemprosesan perlu mempunyai Pensijilan HACCP daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk semua produk ikan dan keluaran ikan yang akan dieksport ke Republik Turkiye.

II. Sumber bahan mentah ikan yang digunakan bagi pemprosesan produk ikan dan keluaran ikan bagi tujuan pengeksportan ke Republik Turkiye perlu memenuhi syarat berikut:

MAKLUMAN KEPERLUAN TAMBAHAN BAGI PENGEKSPORTAN IKAN DAN HASILAN IKAN KE REPUBLIK TURKIYE

LKIM:KQ406/923/3 ( )
19 Mei 2025

Sumber Bahan Mentah	Syarat
Akuakultur	• Ladang akuakultur perlu berdaftar dan mempunyai Pensijilan myGAP daripada Jabatan Perikanan Malaysia (DOF)
Tangkapan Laut	• Fishing Vessel perlu mempunyai lesen yang sah tempoh dengan DOF • Tangkapan laut perlu mempunyai dokumen Catch Certificate dan Landing of Vessel (LOV) yang disahkan oleh DOF • **Jeti Pendaratan ikan perlu berdaftar dengan LKIM**
Import	• Bahan mentah import perlu diperolehi daripada premis pemprosesan yang diluluskan oleh EU • Bahan mentah import perlu mempunyai Letter of Guarantee, menyatakan bahan mentah tersebut diproses mengikut keperluan EU • Bahan mentah import mempunyai sijil HACCP sah tempoh yang diperolehi daripada pembekal • Bahan mentah import mendapat kelulusan daripada pihak KKM melalui sistem FoSIM sebelum ianya digunakan untuk tujuan pemprosesan

III. Pedagang (*trader*) perlu berdaftar dalam sistem FoSIM dan mengeksport produk ikan dan keluaran ikan ke Republik Turkiye daripada premis pemprosesan yang telah diluluskan bagi tujuan eksport ke negara berkenaan.

4. Sebagai tambahan, pendaftaran jeti pendaratan ikan seperti yang dinyatakan di para 3 adalah proses pendaftaran yang dilaksanakan oleh LKIM selaras dengan Kaedah 8(1), Kaedah-Kaedah Kompleks Perikanan, Pelabuhan Perikanan dan Jeti Pendaratan Ikan 2010. Prosedur pendaftaran adalah tertakluk kepada Prosedur Operasi Standard (SOP) sedia ada yang berkuat kuasa.

MAKLUMAN KEPERLUAN TAMBAHAN BAGI PENGEKSPORTAN IKAN DAN HASILAN IKAN KE REPUBLIK TURKIYE

LKIM:KQ406/923/3 ( )
19 Mei 2025

5. Sehubungan dengan itu, dimohon pihak tuan memaklumkan atau menampal notis pemberitahuan di kaunter-kaunter lesen LKIM negeri sebagai informasi kepada pemegang lesen urus niaga ikan LKIM di negeri yang terlibat dengan pengeksportan ke Republik Turkiye menggunakan notis yang telah disediakan di Lampiran 1.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(NORAZIAN BINTI SAFIAN)
Pengarah
Bahagian Kawalselia Pendaratan Ikan dan Penguatkuasaan
b.p Ketua Pengarah
Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia

s.k

1. Pengarah
   Bahagian Pemasaran dan Perlesenan
   - Dimohon pihak tuan membuat pemakluman di web MyLesen LKIM
2. Pengarah
   Bahagian Inudstri Asas Tani
3. Pengarah
   Bahagian Perancang dan Pembangunan
4. Pengarah
   Bahagian Pengurusan Maklumat
   - Dimohon pihak tuan membuat pemakluman di web Rasmi LKIM

LAMPIRAN 1

SILA IMBAS QR YANG DISEDIAKAN BAGI MENDAPATKAN NOTIS PEMAKLUMAN KEPERLUAN TAMBAHAN BAGI PENGEKSPORTAN IKAN DAN HASILAN IKAN KE REPUBLIK TURKIYE UNTUK PEMAKLUMAN:

